



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 9 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 9 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **14,422 kes** (2,184,711 kes kumulatif, 93.7%);
- Kes baharu : **8,743 kes** (2,332,221 kes kumulatif);
- Kes import : **14 kes** (7 warganegara; 7 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **8,729 kes** [8,258 warganegara (94.6%); 471 bukan warganegara (5.4%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **770 kes** (714 kes COVID-19; 56 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **419 kes** (304 kes COVID-19; 115 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,580 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **10 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,735 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **845 kluster**.

Daripada **8,743 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **122 kes (1.4 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **8,621 kes (98.6 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Seperti dimaklumkan melalui ciapan YB Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin di laman Twitter beliau, data berkenaan status terkini jangkitan COVID-19 telah sekian lama dilaporkan sejak awal penularan COVID-19. Kaedah pelaporan oleh KKM sememangnya berubah dari semasa ke semasa agar sesuai dengan situasi penularan COVID-19.

Dalam pada Malaysia bersedia untuk transisi ke arah fasa hidup dengan virus, kaedah pelaporan dan perincian data kini perlu lebih fokus kepada indikator yang penting dan utama. Seperti yang telah diumumkan sebelum ini, maklumat terperinci situasi

semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web **COVIDNOW** di <https://covidnow.moh.gov.my> , di mana data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari. Laman web ini sentiasa ditambah baik agar maklumat utama yang diperlukan oleh pihak media dan masyarakat umum boleh didapati dengan mudah.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi

orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

9 Oktober 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 9 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Tampin - Gemas 2	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Tampin	68	81
2	Industri Jalan Kesturi	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	10	32
3	Industri Dua Jalan Labohan Dagang-Nilai	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat dan Klang	15	93
4	Sawit Ulu Keratong	Tempat Kerja	Pahang	Rompin	40	149
5	Kampung Belukar Kubang Gadong	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	7	11
6	Kampung Nakhoda Saamah	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu, dan Bachok	10	23
7	Kampung Seboi	Komuniti	Pahang	Temerloh	51	148
8	Sungai Pelus	Komuniti	Perak	Kuala Kangsar	98	369
9	Jalan Masjid Negeri	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Timur Laut	43	89
10	Jalan Tengku Abdul Samad	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pahang	Raub	20	93

**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 8 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.11
PERLIS	1.08
NEGERI SEMBILAN	1.03
TERENGGANU	0.98
KELANTAN	0.97
PAHANG	0.95
MELAKA	0.94
WP KUALA LUMPUR	0.88
SARAWAK	0.87
PERAK	0.87
KEDAH	0.87
SELANGOR	0.87
PULAU PINANG	0.83
JOHOR	0.82
SABAH	0.82
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.86